

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 13

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan bagi menjaga kebijakan kanak-kanak yang mana ibu bapa mereka terdiri daripada golongan peniaga pasar malam dan “uptown” yang biasanya terbiar semasa mereka berniaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berpandangan bahawa ibu bapa atau penjaga mempunyai tanggungjawab bagi memastikan perlindungan dan keselamatan anak mereka terjamin sama ada berada di rumah, di luar rumah atau semasa pergi bekerja. Dalam konteks ini peniaga pasar malam turut mempunyai tanggungjawab dalam memastikan bahawa anak mereka adalah selamat dan tidak terbiar tanpa penjagaan semasa berniaga di pasar malam.

Sehubungan itu, setiap ibu bapa dan penjaga yang bekerja seharusnya mengatur penjagaan anak mereka di pusat jagaan atau di bawah jagaan orang yang dikenali latar belakangnya. Bagi peniaga pasar malam yang terpaksa membawa anak bersama untuk berniaga, adalah menjadi tanggungjawab mereka memastikan keselamatan dan kebajikan anak sentiasa dipelihara. Sekiranya ibu atau bapanya telah cuai dalam menjalankan pengawasan dan kawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu seperti berada di mana-mana jalan, premis atau tempat yang menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang, memudaratkan kesihatan dan kebajikan, kanak-kanak tersebut boleh dianggap sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Dalam hal ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi menyelamatkan kanak-kanak tersebut.

Walaupun tanggungjawab penjagaan anak adalah di bawah ibu bapa dan penjaga, Kementerian ini berpandangan perkhidmatan sokongan seperti pusat jagaan atau aktiviti yang beroperasi malam perlu diadakan bagi penjagaan anak peniaga pasar malam atau *uptown*. Bagi perancangan penyediaan kemudahan tersebut, Kementerian ini perlu mendapat maklumat lanjut kanak-kanak dalam situasi ini serta mengenal pasti keperluan mereka di pasar malam dan *uptown* melalui perbincangan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).